



## SIARAN AKHBAR

EMBARGO SEHINGGA 29 FEBRUARI 2016, 3.00 PETANG

### **MALAYSIA KEKAL SEBAGAI PROPOSISI MENARIK Menjana Pelaburan RM186.7 Billion Pada Tahun 2015**

Pada tahun 2015, Malaysia menjamin jumlah pelaburan yang diluluskan berjumlah RM186.7 billion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama, penurunan nilai sebanyak 21% berbanding RM235.9 billion pada tahun 2014. Prestasi pelaburan pada tahun 2015 telah dipengaruhi oleh keadaan tidak menentu ekonomi global, diburukkan lagi dengan penurunan harga minyak dan komoditi, selain daripada pengukuran nilai dollar Amerika Syarikat.

Walaupun dengan penurunan tersebut, prestasi pelaburan negara pada tahun lepas melebihi anggaran sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM148 billion yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Ini membuktikan daya tahan ekonomi Malaysia berikutan struktur asas ekonomi yang kukuh. Ia juga menekankan kejayaan strategi proaktif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memacu pertumbuhan pelaburan dan membentuk masa depan.

Pada tahun yang dinilai menyaksikan sebanyak 4,887 projek telah diluluskan. Projek-projek ini dijangka menjana 180,240 peluang pekerjaan baru, dan membawa peluang pelaburan langsung. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM150.6 billion atau 80.7% telah disumbang oleh pelaburan tempatan, manakala RM36.1 billion atau 19.3% datang dari sumber pelaburan asing. Prestasi tinggi pelaburan tempatan mencerminkan sambutan yang menggalakkan pelabur tempatan untuk menyahut seruan Kerajaan bagi pelaburan domestik untuk mendahului dalam pertumbuhan ekonomi.

#### **Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan**

Sektor perkhidmatan Malaysia mengekalkan momentumnya sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada asas tahun-ke-tahun pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan tahun lepas telah menguncup sebanyak 29.5%, disebabkan oleh penurunan mendadak dalam nilai projek-projek hartanah. Namun begitu, nilai pelaburan yang disumbangkan oleh sub-sektor utama yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti perkhidmatan kesihatan, syarikat berstatus MSC dan operasi hub global menyaksikan peningkatan dalam pelaburan.

Berhubung dengan pelaburan dalam sub-sektor penjagaan kesihatan swasta, sejumlah 26 projek telah diluluskan pada tahun 2015 sebanyak RM3.68 billion. Salah satu projek penjagaan kesihatan yang ketara ialah Pusat Kecemerlangan Jantung dan Vascular di Asia Tenggara di bawah Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur. Projek hospital swasta dengan jumlah katil sebanyak 74 buah dijangka mewujudkan 300 peluang pekerjaan, di mana 230 adalah untuk

tenaga kerja mahir dan separa-mahir seperti pakar perubatan, jururawat di kawasan tertentu, profesional kesihatan bersekutu seperti sonographer jantung dan juru x-ray,

Permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berintensifkan pengetahuan juga boleh didapati di dalam sector ICT di mana sebanyak 249 syarikat berstatus MSC yang baru diluluskan bercadang untuk mengambil 12,850 pekerja baharu IT yang berintensifkan pengetahuan. MSC Malaysia diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia untuk perniagaan ICT adalah inisiatif nasional negara Malaysia yang direka bagi menarik syarikat teknologi bertaraf dunia di waktu yang sama membimbing industri ICT tempatan.

Tahun 2015 menyaksikan banyak syarikat multinasional terus mengambil kesempatan ke atas kelebihan daya saing Malaysia untuk menubuhkan pusat operasi global dan serantau mereka. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 3,683 projek pertubuhan serantau telah diluluskan oleh MIDA. Daripada jumlah pertubuhan serantau tersebut, 2,042 adalah terdiri daripada Pejabat Perwakilan, 1,035 adalah Pejabat Serantau dan 271 adalah Ibu Pejabat Operasi. Selebihnya adalah 252 Pusat Perolehan Antarabangsa, 32 Hub Operasi Global, 35 Pusat Pengedaran Serantau dan 10 Pusat Pengurusan Perbendaharaan. Pertubuhan-pertubuhan serantau ini menyediakan sokongan kepada sub-sektor dan aktiviti yang meluas, terdiri daripada pengurusan rantaian bekalan dan logistik kepada perkhidmatan perbankan dan kewangan, dengan membantu meningkatkan kelebihan daya saing sub-sektor ini disamping menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sejak perlaksanaan inisiatif Hub Utama pada Mei 2015, MIDA telah meluluskan sebanyak enam projek Hub Utama dari syarikat multinasional dalam bidang elektronik, aeroangkasa, komoditi (pulpa & kertas dan minyak sawit) dan industri makanan dan minuman. Pelaburan ini berjumlah RM1.3 billion dan melibatkan pewujudan 320 pekerjaan bernilai tinggi, khususnya untuk rakyat Malaysia. Projek-projek yang diluluskan ini akan melibatkan penggunaan perkhidmatan sampingan tempatan yang ketara seperti kemudahan kewangan, logistik dan perkhidmatan rantaian bekalan serta perkhidmatan profesional dan utiliti. Antara perintis Hub Utama ialah Honeywell Inc., syarikat yang tersenarai dalam Fortune 100 yang menyediakan produk komersial dan pengguna serta perkhidmatan kejuruteraan dan sistem aeroangkasa untuk pelbagai pelanggan; Asia Pacific Resources International Ltd atau APRIL; salah satu daripada syarikat pulpa dan kertas terbesar di dunia dan sebuah pemaju terkemuka bagi ladang hutan; dan PureCircle Group of Companies; yang membangunkan dan mengeluarkan bahan-bahan makanan semula jadi bagi industri makanan dan minuman di peringkat global.

Bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan sektor perkhidmatan, Kerajaan akan terus menggalakkan potensi sektor mengubahnya untuk menjadi lebih berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Pembangunan sektor perkhidmatan akan berpandukan kepada Pelan Induk Sektor Perkhidmatan, yang telah dilancarkan pada Mac 2015. Pejabat Kerjasama dan Kolaborasi Insentif (ICCO), satu unit baru yang ditubuhkan di bawah MIDA, akan menjadi penyelaras pusat untuk semua insentif pelaburan. ICOO akan menjadi pusat sehenti untuk menasihat dan menyelaras perniagaan atas penawaran insentif dan memberikan kebolehlihatan antara agensi. Ia juga akan menasihatkan Kerajaan berkenaan dengan bentuk insentif dan membantu pemantauan dan penilaian.

## **Pelaburan dalam Sektor Perkilangan**

Sektor perkilangan kekal penting bagi Malaysia. Pada tahun 2015, sektor perkilangan terus menarik sebahagian pelaburan intensif modal bagi industri utama dengan jumlah 680 projek perkilangan baharu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM74.7 billion diluluskan berbanding 811 projek perkilangan dengan peburan sebanyak RM71.9 billion diluluskan pada tahun 2014. Guna tenaga penuh projek-projek perkilangan yang diluluskan akan mewujudkan 66,490 peluang pekerjaan yang merangkumi 13,950 atau 21% daripada pekerjaan ini dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan manakala 10,230 atau 15.4% akan menjadi pekerja 'skilled craft'.

Intensiti-modal, seperti yang diukur oleh nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) projek yang diluluskan dalam sektor pembuatan, berjumlah RM1,123,306 pada akhir 2015. Perlu diperhatikan bahawa nisbah CIPE projek-projek perkilangan telah mencatatkan aliran meningkat sejak 1990. Pada tahun 2015, terdapat 63 projek perkilangan yang diluluskan mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih. Jumlah pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM64.7 billion atau 86.6% berbanding jumlah. Ini mencerminkan pencapaian negara dalam menarik lebih banyak, projek nilai tinggi yang berintensifkan modal ditambah dan berteknologi tinggi projek.

Dari segi pembiayaan, pelaburan asing berjumlah RM21.9 billion dan bakinya adalah dari pelaburan tempatan. Sumber utama pelaburan asing pada tahun 2015 adalah dari Amerika Syarikat dengan pelaburan berjumlah RM4.2 billion dalam 19 projek yang diluluskan. Projek pembesaran dari Amerika Syarikat dengan pelaburan sebanyak RM2.1 billion untuk projek pembuatan pemacu cakera keras dan media penulis pelbagai cakera mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai sumber utama pelaburan asing. Amerika Syarikat diekori oleh Jepun dengan pelaburan sebanyak RM4 billion dalam 60 projek. Sebahagian besar pelaburan Jepun adalah tertumpu dalam sektor E&E.

Kehadiran syarikat multinasional di Malaysia, terutamanya dalam sektor E&E adalah sangat besar. Selain daripada menyumbang secara ketara dalam eksport kepada negara, pertubuhan seumpama juga melahirkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, peluang pekerjaan yang berteraskan pengetahuan kepada rakyat Malaysia. Seperti banyak syarikat multinasional di E&E menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan reka bentuk dan pembangunan (D&D) sebagai satu komponen penting dalam operasi mereka di Malaysia, ini telah mencetuskan syarikat tempatan untuk meningkatkan operasi mereka dan menjalankan aktiviti R&D dalam mereka sendiri sebagai sebahagian daripada keperluan dalam pembangunan proses dan produk apabila menjadi sebahagian daripada rangkaian rantai bekalan syarikat multinasional. Usaha ini akan membangunkan dan meningkatkan ekosistem yang lebih baik dalam industri ini. Hari ini, banyak syarikat-syarikat tempatan yang telah membina keupayaan dan kapasiti mereka dengan menjadi pembekal peringkat pertama, kedua dan ketiga kepada syarikat multinasional dan telah diberi kontrak bernilai jutaan ringgit.

Projek-projek baru pada tahun 2015 akan membawa jumlah projek perkilangan yang diluluskan untuk tempoh 5 tahun 2011 hingga 2015 kepada 3,928 projek. Daripada jumlah tersebut, 2,967 atau 75.5% telah dilaksanakan setakat ini. Jumlah modal pelaburan untuk projek-projek ini adalah

RM175.1 billion. 773 projek lagi adalah dalam peringkat pengambilalihan tapak atau perancangan aktif. Kebanyakan projek yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun 2011 hingga 2015 meliputi industri-industri seperti E&E, jentera & produk peralatan petroleum (termasuk petrokimia), peralatan pengangkutan, barang fabrikasi logam dan kimia dan produk kimia.

### **Sektor Utama**

Pelaburan dalam sektor utama merekodkan penurunan sebanyak 96.2% daripada RM14.4 billion pada tahun 2014 kepada RM3.8 billion pada tahun 2015. Sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh pelaburan yang lebih rendah dalam aktiviti cari gali minyak dan gas, yang berpunca daripada kejatuhan harga minyak yang bermula pada pertengahan 2014. Pelaburan selebihnya dalam sektor utama, terdiri daripada perladangan dan sub-sektor komoditi dan sub-sektor pertanian masing-masing yang mencatatkan pelaburan mampan sebanyak RM712.2 juta dan RM261.2 juta.

### **Melangkah ke Hadapan**

Ekonomi global termasuk Malaysia akan menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang pada tahun 2016. Cabaran pada masa hadapan memerlukan Malaysia untuk melampaui pertumbuhan ekonomi dan membina di atas kekuatan teras negara ini serta menjamin peluang dengan manfaat jangka panjang untuk semua rakyat Malaysia. Sejarah membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berdaya tahan. Kekuatan prestasi sektor swasta dan ekonomi yang pelbagai di Malaysia telah membolehkan negara ini untuk terus mengukuhkan kedudukan fiskalnya. Keutamaan sekarang bukan sahaja melibatkan bilangan pelabur atau nilai mutlak pelaburan tetapi untuk membawa masuk pelaburan yang boleh membantu memenuhi aspirasi negara dan akan menghasilkan rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi dan mempunyai pekerjaan yang berkualiti.

Kerajaan akan terus memperkenalkan pelbagai langkah pro-perniagaan untuk meningkatkan keupayaan Malaysia untuk menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara, termasuk dalam bidang Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perkongsian Trans-Pasifik. Ia akan terus bekerjasama dan berinteraksi dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam menarik pelabur dari pelbagai sektor ekonomi. Sebagaimana AEC bersedia untuk melonjakkan rantau ini ke hadapan dengan Malaysia di barisan hadapan, pelabur boleh mengharapkan iklim ekonomi yang bertenaga dan bernilai!

\*\*\*\*\*